

29 NOV 97

PARA MENTERI KEWANGAN TIBA UNTUK BERMESYUARAT

KUALA LUMPUR, Nov 29 (Bernama) -- Para menteri kewangan dan pegawai kanan dari negara Asean mula tiba di sini untuk menghadiri mesyuarat menteri kewangan Asean (AFMM) bermula Isnin ini untuk mencari jalan menangani masalah mata wang yang dihadapi ekonomi Asia Timur.

Mesyuarat dua hari itu adalah penting kerana ia menghimpunkan menteri-menteri kewangan negara-negara Asia Timur termasuk Jepun serta Amerika Syarikat yang akan meninjau sambutan dasar untuk memulihkan kestabilan di rantau ini.

Mesyuarat peringkat menteri tersebut akan didahului oleh mesyuarat pegawai kanan dan mesyuarat gabenor dan timbalan gabenor bank pusat.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menggesa kawal selia dagangan mata wang diadakan sejak serangan spekulatif dan manipulatif ke atas mata wang Asean pada Jun lalu, akan merasmikan mesyuarat itu pada Isnin ini.

Di samping mesyuarat khas menteri kewangan Asean, negara Asean akan juga berbincang dengan Jepun, serta bersama sama Australia, Korea Selatan, Amerika Syarikat, Hong Kong dan China, atau dikenali juga mesyuarat Asean Plus Six.

Kesemua negara-negara ini akan mengadakan perbincangan dengan pengarah urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) Michel Camdessus yang dijangka menyampaikan kajian awal agensi pelbagai hala itu mengenai kawalan ke atas dagangan mata wang.

Penemuan terperinci kajian itu yang termasuk pengajaran daripada krisis kewangan yang pada mulanya menjejaskan negara Asean tetapi kemudian merebak ke Korea Selatan dan Jepun, akan disampaikan kepada lembaga pengarah IMF menjelang akhir Januari atau awal Februari.

Serangan spekulatif terhadap baht Thai pada Jun lalu, rupiah Indonesia, peso Filipina, dan ringgit, menyebabkan Thailand dan Indonesia mendapatkan bantuan IMF, manakala Korea Selatan dengan ekonomi turut terjejas, juga mendapat bantuan kewangan agensi itu.

Timbalan perdana menteri merangkap menteri kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang dijangka mempengerusikan beberapa sesi semasa mesyuarat berkenaan, akan mengadakan beberapa mesyuarat dua hala esok dengan menteri-menteri kewangan Indonesia, Thailand, Myanmar serta setiausaha kewangan Filipina.

Antara menteri kewangan Asean yang menghadiri mesyuarat itu termasuklah Mar'ie Mohammad dari Indonesia, Tarrin Nimmanahaeminda dari Thailand, Brigadier General Win Tin dari Myanmar, setiausaha kewangan Filipina Roberto F. De Ocampo, Bounlith Khennvong naib menteri kewangan Laos, Le Thi Bang Tam timbalan menteri kewangan Vietnam, timbalan menteri kewangan Brunei Datuk Hj Ahmad Wally Skinner dan menteri kewangan Singapura Dr. Richard Hu Tsu Tau.

Pengawai kewangan yang lain terdiri daripada timbalan setiausaha Perbendaharaan Australia Peter Costello, timbalan perdana menteri merangkap menteri kewangan Korea Selatan Chang Yuel Lim, setiausaha kewangan Hong Kong Donald Tsang, menteri kewangan Jepun Eisuke Sakakibara, naib menteri kewangan China Liu Jibin, timbalan setiausaha perbendaharaan AS Lawrence Summers dan naib presiden kanan Bank Dunia Joseph E. Stiglitz. -- BERNAMA

TEAM MA